

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
TARIKH : 31.07.2017
SOALAN : NO. 66

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sebab mengapa jawatan Naib Canselor Universiti Malaya tidak diisi sejak Mei 2017 dan sama ada kelima-lima Universiti Penyelidikan Negara (UM, UKM, UPM, USM dan UTM) mempunyai autonomi sepenuhnya dalam pelantikan NC dan TNC tanpa campur tangan Menteri dan Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menjalankan satu sesi temu bual Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Tetap Naib Canselor Universiti Penyelidikan bagi menentukan bakal Naib Canselor Universiti Malaya yang berkeelayakan. KPT turut sedang memperhalusi senarai calon yang diperakukan dengan mengambil kira syor Lembaga Pengarah Universiti dan pihak pengurusan universiti.

Bagi menampung kekosongan jawatan Naib Canselor di Universiti Malaya, KPT telah membuat lantikan sementara kepada Timbalan Naib Canselor

(Akademik dan Antarabangsa) UM untuk menjalankan fungsi Naib Canselor UM.

Pemberian autonomi kepada lima Universiti Penyelidikan adalah termasuk urusan pelantikan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor. Walau bagaimanapun, pelantikan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor masih tertakluk di bawah **Seksyen 9(1) Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971** di mana Menteri Pendidikan Tinggi diberi kuasa untuk melantik Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor.

SOALAN (67)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 31 JULAI 2017
[ISNIN]
DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]

SOALAN :-

YB Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah jumlah rumah yang masih tidak diisi di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) setakat Jun 2017 dan sejauh manakah skim sewa beli (Rent to Own) telah membantu mengatasi masalah penghuni yang tidak berkemampuan akibat daripada kegagalan untuk mendapatkan pinjaman bank.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 12,742 (15.29%) unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) sama ada PPR disewa atau dimiliki masih belum dihuni. Sebahagian kekosongan tersebut adalah disebabkan pemohon-pemohon rumah PPR dimiliki yang masih menunggu kelulusan pinjaman dari pihak institusi kewangan.

PERKATA	PPR DISEWA	PPR DIMILIKI	JUMLAH KESEKUTUAN
Bilangan Projek	85	33	118
Bilangan Unit	74,507	8,873	83,380
Pengisian	64,707 (86.85%)	5,931 (66.85%)	70,638 (84.71%)
Kekosongan	9,800 (13.15%)	2,942 (33.15%)	12,742 (15.29%)

Statistik sehingga 30 Jun 2017

Skim Sewa Untuk Dimiliki (*Rent to Own - RTO*) yang diperkenalkan oleh Kerajaan amat membantu golongan berpendapatan rendah dan golongan setingan yang gagal mendapat pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melantik syarikat-syarikat tertentu untuk menjadi

ejen pengurusan jualan dan kutipan sewa. Walau bagaimanapun, hanya sebilangan PPR melaksanakan kaedah skim tersebut. PPR yang melaksanakan Skim Sewa Beli adalah PPR Gua Musang, PPR Kampung Hassan, PPR Lembah Subang 2 dan PPR Ladang Siliau.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 68

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan bagi kajian pembinaan sebuah lapangan terbang yang dibina di kawasan Sook kerana permintaan dan keperluan yang mendesak daripada rakyat di kawasan Keningau dan pedalaman khasnya serta penyambungan perkhidmatan kereta api dari Tenom ke Keningau kerana sudah tiba masanya pihak Kementerian memikirkan penaikan taraf sistem pengangkutan bukan sahaja di bandar tetapi juga kawasan pedalaman yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk melaksanakan kajian pembinaan sebuah lapangan terbang di kawasan Sook, Keningau. Walau bagaimanapun, Kementerian bersedia untuk mempertimbangkan cadangan tersebut sekiranya terdapat keperluan semasa rakyat di kawasan Keningau dan pendalaman.

Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan kepentingan pengangkutan keretapi di Sabah. Sehubungan itu, pihak Kementerian telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) dalam pelaksanaan 3 projek yang berjumlah RM101 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Projek-projek ini juga sedang dalam proses pelaksanaan.

Berkenaan penyambungan perkhidmatan keretapi di sekitar Sabah termasuk dari Tenom ke Keningau pula, kajian terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu mengambilkira pembangunan infrastruktur keretapi memerlukan kos yang sangat tinggi selain dapat memastikan sesuatu pelaburan tersebut memberi pulangan yang optimum kepada Kerajaan.